

<p><b>HELAIAN KETERANGAN PRODUK</b></p> <p>(Sila baca Helaiian Keterangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai “IKHLASlink Accidental Death and Disability Secure Takaful Rider”. Sila pastikan juga anda membaca terma dan syarat am.)</p>	<p><b>TAKAFUL IKHLAS BERHAD</b></p> <p>(Dilisenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)</p> <p><b>IKHLASlink Accidental Death and Disability Secure Takaful Rider</b></p> <p>Tarikh: 08/10/2018</p>
<p><b>1) Produk apakah ini?</b></p> <p>Ini adalah rider berunit deduktif yang boleh disertakan kepada pelan Takaful berkaitan pelaburan di mana Sumbangan Takaful adalah berkala. Rider ini memberi perlindungan kepada Orang Yang Dilindungi ke atas Kematian, Keilatan Kekal dan Menyeluruh (TPD) ataupun Keilatan Separa Kekal (PPD) akibat kemalangan sepanjang tempoh Sijil Takaful Tambahan.</p>	
<p><b>2) Apakah konsep-konsep Syariah yang diguna pakai?</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Tabarru’</b> – bermaksud derma bagi tujuan perpaduan dan kerjasama di kalangan Peserta-peserta Takaful dan akan digunakan untuk membantu Peserta-peserta Takaful yang ditimpa musibah. Di dalam konteks Takaful IKHLAS, Tabarru’ akan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko.</li> <li>• <b>Wakalah</b> – merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (<i>muwakkil</i>) membenarkan pihak lain sebagai ejennya (<i>wakil</i>) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks Takaful IKHLAS, pihak Syarikat dilantik sebagai ejen (<i>wakil</i>) untuk melaksanakan Perniagaan Takaful dan yuran Wakalah (<i>Ujrah</i>) akan dibayar kepada pihak Syarikat.</li> </ul>	
<p><b>3) Apakah perlindungan-perindungan/manfaat-manfaat yang ditawarkan?</b></p> <p><b>a) Manfaat Kematian Akibat Kemalangan</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan ke atas Orang Yang Dilindungi dalam tempoh Sijil Takaful Tambahan, Amaun Perlindungan akan dibayar kepada penama-penama atau keluarga terdekat Orang Yang Dilindungi.</li> <li>ii. Jika Orang Yang Dilindungi meninggal dunia disebabkan sepenuhnya dan secara langsung oleh kemalangan ketika menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam atau menjadi mangsa salahlaku jenayah, dua (2) kali ganda Amaun Perlindungan akan dibayar kepada penama-penama atau keluarga terdekat Orang Yang Dilindungi.</li> </ol> <p><b>b) Manfaat Keilatan Kekal dan Menyeluruh Akibat Kemalangan</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Sekiranya Orang Yang Dilindungi mengalami TPD yang disebabkan sepenuhnya dan secara langsung kepada kecederaan anggota badan akibat dari kemalangan dalam tempoh Sijil Takaful Tambahan, Amaun Perlindungan akan dibayar kepada Orang Yang Dilindungi.</li> <li>ii. Jika Orang Yang Dilindungi mengalami TPD disebabkan sepenuhnya dan secara langsung oleh kemalangan ketika menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam atau menjadi mangsa salahlaku jenayah, dua (2) kali ganda Amaun Perlindungan akan dibayar kepada Orang Yang Dilindungi.</li> </ol>	

**Syarat:**

Definisi TPD adalah berdasarkan "Pekerjaan Sendiri atau Pekerjaan yang Sesuai" dan keilangan telah berlaku sekurang-kurangnya enam (6) bulan.

**c) Manfaat Keilangan Separa Kekal Akibat Kemalangan**

Sekiranya berlaku PPD kepada Orang Yang Dilindungi yang disebabkan sepenuhnya dan secara langsung kepada kecederaan anggota badan akibat dari kemalangan di dalam tempoh Sijil Takaful Tambahan, peratusan Amaun Perlindungan seperti yang dinyatakan di dalam jadual di bawah akan dibayar kepada Orang Yang Dilindungi.

<b>Jadual Manfaat</b>	
<b>Kejadian</b>	<b>% Amaun Perlindungan</b>
Kehilangan penglihatan kedua-dua mata yang tidak boleh disembuhkan	100%
Kehilangan kedua-dua belah tangan dari paras atau di atas pergelangan tangan	100%
Kehilangan kedua-dua belah kaki dari paras atau di atas pergelangan buku lali	100%
Kehilangan sebelah tangan dari paras atau di atas pergelangan tangan dan penglihatan sebelah mata	100%
Kehilangan sebelah kaki dari paras atau di atas pergelangan buku lali dan penglihatan sebelah mata	100%
Kehilangan sebelah tangan dari paras pergelangan tangan dan sebelah kaki dari paras atau di atas pergelangan buku lali	100%
Kehilangan sebelah tangan pada atau di atas pergelangan tangan	50%
Kehilangan sebelah kaki pada atau di atas pergelangan buku lali	50%
Kehilangan penglihatan pada sebelah mata	50%
Kehilangan penuh pendengaran pada kedua-dua belah telinga yang tidak dapat disembuhkan	50%
Kehilangan penuh pendengaran pada sebelah telinga yang tidak dapat disembuhkan	10%
Kehilangan penuh daya pertuturan yang tidak dapat disembuhkan	50%
<b>Hilang:-</b>	
a) Empat batang jari dan ibu jari dari sebelah tangan pada atau di atas sendi metacarpal	50%
b) Empat batang jari sebelah tangan pada atau di atas sendi metacarpal	40%
<b>c) Ibu jari:</b>	
i) kedua-dua ruas	25%
ii) satu ruas	10%
<b>d) Jari telunjuk:</b>	
i) ketiga-tiga ruas	10%

ii) dua ruas	8%
iii) satu ruas	4%
e) Jari tengah:	
i) ketiga-tiga ruas	6%
ii) dua ruas	4%
iii) satu ruas	2%
f) Jari manis:	
i) ketiga-tiga ruas	5%
ii) dua ruas	4%
iii) satu ruas	2%
g) Jari Kelingking:	
i) ketiga-tiga ruas	4%
ii) dua ruas	3%
iii) satu ruas	2%
h) Metacarpi:	
i) pertama atau kedua	3%
ii) ketiga, keempat atau kelima	2%
i) Jari Kaki	
i) kesemua jari sebelah kaki	15%
ii) kedua-dua ruas ibu jari kaki	5%
iii) satu ruas ibu jari kaki	2%
iv) selain dari ibu jari kaki, sekiranya lebih dari sebatang tiap-tiap satu	1%

Nota: - Orang Yang Dilindungi dibenarkan untuk melakukan lebih dari satu (1) tuntutan di bawah manfaat PPD, dengan syarat jumlah yang dibayar tidak melebihi 100% daripada Amaun Perlindungan. Sijil Takaful Tambahan masih dalam keadaan berkuatkuasa sehingga 100% daripada Amaun Perlindungan dituntut oleh Orang Yang Dilindungi dalam tempoh perlindungan, atau sehingga tamat tempoh perlindungan.

#### 4) Berapakah jumlah Sumbangan Takaful yang perlu dibayar?

Tiada Sumbangan Takaful tambahan yang dikenakan ke atas rider ini kerana caj Tabarru' akan ditolak daripada Dana Unit daripada Sijil Takaful asas. Walau bagaimanapun, caj Tabarru' adalah TIDAK DIJAMIN dan boleh berubah dari semasa ke semasa dengan memberi tiga (3) bulan notis kepada Peserta Takaful sebelum ulang tahun Sijil Takaful.

#### 5) Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang perlu dibayar?

- a) Yuran Wakalah – tidak dikenakan
- b) Caj tabarru' akan ditolak daripada Dana Unit daripada Sijil Takaful asas (melalui penolakan unit-unit mengikut harga unit). Tabarru' akan meningkat seiring dengan peningkatan usia Orang Yang Dilindungi. Butiran amaun tabarru' dan lain-lain caj untuk pelan ini adalah seperti yang dinyatakan di dalam ilustrasi manfaat.

#### 6) Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu diketahui?

- a) Kepentingan pendedahan maklumat – anda dikehendaki mendedahkan semua maklumat dan fakta seperti umur, pekerjaan dan keadaan kesihatan dengan betul. Takaful IKHLAS mempunyai hak untuk menolak pembayaran tuntutan jika anda didapati gagal untuk mendedahkan maklumat yang relevan yang akan mempengaruhi keputusan untuk menerima atau menolak risiko, dan tentang peruntukan-peruntukan yang akan ditetapkan pada anda.

- b) Tempoh Bertenang – anda boleh membatalkan Sijil Takaful Tambahan dengan mengembalikan Sijil Takaful Tambahan tersebut kepada pihak Syarikat dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh Sijil Takaful Tambahan diterima. Syarikat akan membatalkannya dengan serta-merta setelah penerimaannya.
- c) Nilai Dana Unit daripada Sijil Takaful asas bergantung kepada prestasi dana-dana pelaburan yang dipilih. Semakin tinggi tahap perlindungan Takaful yang dipilih, maka lebih banyak nilai unit-unit yang akan diserap untuk membayar caj-caj Tabarru' dan, unit-unit yang kekal untuk nilai tunai terkumpul di bawah Sijil Takaful anda akan berkurang.
- d) Pendapatan pelaburan sebenar boleh berubah-ubah mengikut keadaan pasaran. Oleh itu, jumlah terkumpul di dalam Dana Unit daripada Sijil Takaful asas boleh meningkat naik atau menjadi kurang daripada jumlah Sumbangan Takaful yang telah dibuat ke dalam Dana Unit daripada Sijil Takaful asas (berkemungkinan menyebabkan peluputan Sijil Takaful sebelum tempohnya).
- e) Sijil Takaful luput - Sijil Takaful akan luput apabila nilai unit-unit pelaburan adalah tidak mencukupi untuk membayar Tabarru' dan caj-caj yang lain.
- f) Syarikat akan mengenakan Caj Pengurusan Lebihan (SAC) sebanyak 50% daripada sebarang lebihan boleh-agih kasar yang diisytiharkan pada setiap akhir Tahun Kewangan Syarikat. Lebihan boleh-agih bersih (selepas ditolak SAC) daripada Dana Risiko akan diperuntukkan sepenuhnya (100%) kepada Peserta Takaful.
- g) Adalah penting bagi anda untuk menerima dan menyimpan resit-resit sebagai bukti pembayaran Sumbangan-sumbangan Takaful.
- h) Sekiranya anda tidak menerima Sijil Takaful selepas empat belas (14) hari dari tarikh penyertaan, sila hubungi kami (bagi kes-kes standard sahaja).
- i) Notis terhadap tuntutan haruslah dibuat secara bertulis kepada Syarikat dalam masa tiga puluh (30) hari selepas berlakunya kejadian yang mengakibatkan tuntutan. Setelah notis tuntutan dikemukakan, pihak Syarikat akan memberikan borang-borang berkaitan kepada pihak yang melakukan tuntutan bagi menfailkan bukti tuntutan serta memaklumkan pihak yang menuntut akan keperluan-keperluan lain yang mungkin diperlukan. Walaubagaimanapun, ini tidak akan menghalang pihak Syarikat dari meminta dokumen yang selanjutnya mengenai tuntutan tersebut sekiranya didapati perlu. Kesemua maklumat dan bahan bukti ini hendaklah di kemukakan kepada Syarikat dalam tempoh sembilan puluh (90) hari daripada tarikh berlakunya peristiwa-peristiwa yang dilindungi.
- j) Sijil Takaful Tambahan ini tidak akan membayar sebarang amaun manfaat apabila Sijil Takaful Tambahan tamat, matang atau tamat tempoh.

Nota: Senarai ini tidak muktamad. Sila rujuk kepada Sijil Takaful bagi mendapatkan senarai penuh terma-terma dan syarat-syarat yang terdapat di bawah Sijil Takaful.

## **7) Apakah pengecualian-pengecualian utama yang terdapat di dalam Sijil Takaful ini?**

Sijil Takaful Tambahan ini tidak akan melindungi sebarang kematian, hilang upaya berpunca secara langsung atau tidak, sepenuhnya atau sebahagiannya, daripada salah satu kejadian-kejadian berikut:

- a) Melakukan, cuba melakukan atau memprovokasikan serangan, feloni atau sebarang pelanggaran undang-undang oleh Orang Yang Dilindungi;
- b) Rusuhan dan kacau-bilau awam, mogok atau aktiviti pengganas;

- c) Membunuh diri atau sebarang percubaan ke arahnya atau mencederakan diri secara siaman atau tidak;
- d) Peperangan, sama ada diisytiharkan atau tidak, revolusi, atau sebarang jenis operasi berbentuk peperangan;
- e) Perkhidmatan ketenteraan atau laut semasa peperangan sama ada diisytiharkan atau tidak atau diberikan arahan atau sebarang jenis operasi berbentuk peperangan atau ketika mengembalikan ketenteraman awam;
- f) Membuat tangkapan sebagai seorang pegawai undang-undang;
- g) Perlanggaran atau percubaan untuk melanggar undang-undang atau mengelakkan dari penahanan;
- h) Perlumbaan selain daripada menggunakan kaki;
- i) Kemalangan yang berlaku semasa atau disebabkan oleh Orang Yang Dilindungi berada di bawah pengaruh alkohol melebihi tahap yang dibenarkan oleh undang-undang atau dadah selain daripada perskripsi yang diberikan oleh pengamal perubatan yang berdaftar;
- j) Sebarang keuzuran atau penyakit disebabkan oleh ptomaine atau jangkitan bakteria (kecuali jangkitan pyogenik disebabkan oleh atau akibat daripada luka atau kecederaan akibat kemalangan);
- k) Menghidu racun, gas atau bahan berwap (secara disengajakan atau tidak);
- l) Memasuki, mengendali atau berkhidmat, secara menaiki atau menuruni peralatan udara atau kenderaan udara termasuk melakukan terjunan udara, payung terjun, lompatan bungee, luncur udara dan belon udara kecuali semasa Orang Yang Dilindungi berada di dalam penerbangan yang dikendalikan secara komersial sebagai penumpang berjadual melalui perjalanan berjadual;
- m) Sebarang perlakuan keganasan. Bagi tujuan ini perlakuan keganasan bermaksud sebarang perlakuan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan kekerasan atau keganasan dan/atau ancaman yang berkaitan dengannya, sama ada perseorangan atau kumpulan melalui tindakan bersendirian atau bagi pihak yang berkaitan dengan sebarang organisasi, atau kerajaan, dilakukan atas sebab-sebab dengan politik, keagamaan, ideologi atau yang berkaitan dengannya termasuklah dengan niat untuk mempengaruhi sebarang kerajaan atau organisasi dan/atau menakutkan orang awam atau sebahagian daripadanya.

Nota: Senarai ini tidak muktamad. Sila rujuk kepada Sijil Takaful bagi mendapatkan senarai penuh terma-terma dan syarat-syarat yang terdapat di bawah Sijil Takaful.

#### **8) Bolehkah Sijil Takaful ini dibatalkan?**

Jika anda mendapati rider ini tidak lagi bersesuaian, anda boleh membatalkannya dengan memaklumkan kepada kami secara bertulis.

#### **9) Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat untuk dihubungi?**

Adalah penting anda memaklumkan kepada kami sebarang perubahan pada maklumat/alamat (termasuk bagi penama) untuk memastikan semua komunikasi perhubungan sampai kepada anda dan/atau penama dalam jangka masa ditetapkan.

**10) Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Jika anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Takaful Berkaitan Pelaburan dan/atau Takaful Kemalangan Diri, sila rujuk kepada buku panduan *info insurers* mengenai 'Takaful Berkaitan Pelaburan' dan/atau 'Takaful Kemalangan Diri'. Anda boleh memperolehnya daripada ejen Takaful kami atau lawati [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my)

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

**Takaful IKHLAS Berhad**

Jabatan CRM  
IKHLAS Point, Tower 11A, Avenue 5  
Bangsar South, No. 8, Jalan Kerinchi  
59200 Kuala Lumpur.

Tel: +603-2723 9696

Faks: +603-2723 9998

Laman sesawang : [www.takaful-ikhlas.com.my](http://www.takaful-ikhlas.com.my)

Emel: [ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my](mailto:ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my)

**11) Produk seumpama yang boleh didapati.**

*IKHLASlink Comprehensive Personal Accident Benefit Secure Takaful Rider*

**NOTA PENTING:**

**ANDA DINASIHATKAN UNTUK MENGAMBIL PERHATIAN TERHADAP SKALA MANFAAT-MANFAAT KEMATIAN DAN KEILATAN DI BAWAH SIJIL TAKAFUL ANDA. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN EJEN TAKAFUL ATAU MENGHUBUNGI PENGENDALI TAKAFUL SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT SELANJUTNYA.**

*Maklumat yang disediakan dalam Helaian Keterangan Produk ini adalah sah pada: 08/10/2018*